



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Penggalakkan Pelaburan (Pindaan) 1988

DR.34/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1989 dan hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1990 dan tahun-tahun taksiran yang kemudian daripadanya. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dalam subseksyen (1)— Pindaan seksyen 2. Akta 327.
 - (a) dengan memasukkan selepas takrif “pihak berkuasa tertakrif” takrif baru yang berikut:

“program kerajaan terdaftar” ertinya sesuatu program pertukaran subkontrak yang didaftarkan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar;”;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “standard diluluskan” takrif yang berikut:

“syarikat kecil-kecilan”, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya, ertinya suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di Malaysia menurut Akta Syarikat 1965; dan

(b) yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran,

yang wang pemegang syernya pada tarikh pemberian taraf perintis dan pengeluaran perakuan perintis tidak melebihi suatu amaun yang diisytiharkan, dari semasa ke semasa, oleh Menteri dalam perintah statutori yang disiarkan dalam *Warta*;’;

- (c) dengan menggantikan noktah di akhir takrif “tempoh perakaunan” dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas takrif itu takrif yang berikut:

“wang pemegang syer” ertinya amaun agregat modal berbayar sesuatu syarikat (berkenaan dengan syer-syer keutamaan dan syer-syer biasa dan tidak termasuk apa-apa amaun berkenaan dengan syer-syer bonus setakat yang syer-syer itu dikeluarkan daripada rizab modal yang diwujudkan dengan cara penilaian semula aset-aset tetap), rizab-rizab (selain daripada apa-apa rizab modal yang telah diwujudkan dengan cara penilaian semula aset-aset tetap dan peruntukan-peruntukan bagi susut nilai, pembaharuan-pembaharuan atau penggantian-penggantian dan penghausan nilai aset-aset), baki akaun premium syer (tidak termasuk apa-apa amaun yang dikreditkan di dalamnya atas kehendak menerbitkan syer-syer bonus dengan premium daripada rizab modal yang diwujudkan dengan cara penilaian semula aset-aset tetap), dan baki akaun pengasingan untung dan rugi.”.

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) dan (1B) yang berikut:

“(1A) Apabila diterimanya sesuatu permohonan di bawah seksyen 5 Menteri boleh, tertakluk kepada subseksyen (2) hingga (6), memberikan taraf perintis kepada sesuatu syarikat kecil-kecilan atau membuat keputusan untuk memberikan taraf perintis berikutan dengan pendaftaran sesuatu syarikat kecil-kecilan, jika dia berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi atau akan memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam perintah statutori yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(1B) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengkaji semula senarai kriteria yang ditetapkan di bawah subseksyen (1A) dan boleh membuat tambahan, perubahan atau pindaan kepada atau potongan daripada senarai itu sebagaimana yang difikirkannya patut.”; dan

- (b) dengan menggantikan perenggan (a) dalam subseksyen (3) dengan perenggan (a) baru yang berikut:

“(a) keputusannya, berkenaan dengan pemberian taraf perintis di bawah subseksyen (1), boleh dinyatakan sebagai tertakluk kepada apa-apa syarat yang berhubungan dengan mana-mana daripada perkara-perkara yang disebutkan dalam subseksyen (1) (e), sebagaimana yang dinyatakan olehnya, atau berkenaan dengan sesuatu keputusan untuk memberikan taraf perintis di bawah subseksyen (1A), boleh dinyatakan sebagai tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan olehnya.”.

Pindaan
seksyen 14A.

4. Seksyen 14A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dalam perakuan perintis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) dan (5) seksyen 7” dalam subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan “yang dikenakan di bawah subseksyen (4) dan (5) seksyen 7 dalam perakuan perintis yang dikeluarkan di bawah seksyen itu”.

Pindaan
seksyen 33.

5. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong takrif “wang pemegang syer” yang terdapat dalam subseksyen (4).

Seksyen.
baru 33A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 33, seksyen baru 33A yang berikut:

“Pengu-
rangan
pendapatan
larasan bagi
pembeli-
pembeli
daripada
syarikat
kecil-
kecilan.

33A. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), jika Menteri berpuas hati bahawa sesuatu syarikat, yang bermastautin di Malaysia dalam tahun asas bagi sesuatu tahun taksiran, yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti pengilangan di Malaysia, telah, dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu, membeli komponen-komponen, yang dimasukkan dalam pengeluaran keluaran-keluaran terkilangnya, daripada suatu syarikat kecil-kecilan di bawah suatu program kerajaan terdaftar, maka pendapatan larasan syarikat itu hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang hendaklah ditentukan mengikut subseksyen (2):

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi sesuatu syarikat—

(a) bagi tempoh yang sepanjangnya syarikat itu—

(i) telah diberi taraf perintis berkenaan dengan apa-apa aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan dan yang memohon atau bercadang hendak memohon supaya diberi perakuan perintis; atau

- (b) the total value of components purchased from any one or more of the small scale companies under a registered government programme in the basis period for that year of assessment,
- whichever is the lower.”.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Promotion of Investments Act 1986.

2. *Clause 1* contains preliminary matters and states to the effect that while the Act comes into force on the 1st January 1989, it is effective from the year of assessment 1990.

3. *Clause 2* seeks to introduce new definitions for the terms “registered government programme”, “shareholders’ funds” and “small scale company”.

4. *Clause 3* seeks to amend section 6 so that pioneer status can be granted to small scale companies fulfilling certain criteria as prescribed in a statutory order. The amendment also allows the Minister to review the list of criteria from time to time and to impose any conditions as he may specify when granting pioneer status.

5. *Clause 4* seeks to amend section 14A to clarify that the terms and conditions that can be varied by the Minister are imposed under subsections (4) and (5) of section 7.

6. *Clause 5* seeks to amend section 33 (4) as the interpretation of “shareholders’ funds” has been included in section 2.

7. *Clause 6* seeks to introduce a new section 33A to allow an abatement of adjusted income to a manufacturing company which purchases components which are incorporated in the manufacture of its products from small scale companies participating in a registered government programme. The *clause* also seeks to make this provision mutually exclusive so that a company which enjoys abatement for the use of indigenous products cannot claim the abatement under this section. This abatement is also not available to a company which has been granted pioneer status or pioneer certificate or given an investment tax allowance.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will involve the Government in extra financial expenditure by way of additional staff in the Inland Revenue Department as the present establishment is not sufficient to cope with the implementation of the incentives proposed.

[PN. (U²) 1389/II.]

